

21/08/1998

EAEC saluran terbaik atasi gawat

KUALA LUMPUR, Khamis - Gagasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) boleh digunakan untuk membantu menangani krisis ekonomi di rantau Asia.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata wawasan Dr Mahathir mewujudkan sebuah badan mewakili Asia Timur bagi membincangkan isu ekonomi serantau perlu dijadikan kenyataan.

Walaupun tiada jawapan sama ada Asia akan lebih bersatu dan berpendirian tegas menghadapi serangan ekonomi jika EAEC sudah ditubuhkan kini, beliau berkata, jelas pengwujudan badan serantau boleh membantu menangani krisis itu.

"Sebuah pertubuhan serantau dapat mengumpulkan kita lebih awal untuk membincangkan krisis supaya boleh mengambil pendekatan bersama, jikapun tidak pendirian sama," katanya pada majlis makan tengah hari sempena Seminar Antarabangsa Ketiga di sini, hari ini.

(END)